

INDIKATOR wujudnya buruh paksa (dilakukan oleh majikan ke atas pekerja di tempat pekerjaan)

-SEKSYEN 90B AKTA KERJA 1955-

... salah satu atau lebih ...



ANCAMAN

Bahaya yang mungkin menimpa pekerja atau tanggungannya akibat percakapan

Contoh:

- mengugut untuk mencederakan pekerja.
- mengugut untuk tidak membayar gaji.
- mengugut untuk menyerahkan pekerja kepada pihak berkuasa.

PENIPUAN

Berniat untuk tidak memberikan faedah-faedah seperti dalam kontrak perkhidmatan

Contoh:

- membayar gaji yang rendah dari jumlah yang dipersetujui.
- skop pekerjaan berbeza.
- potongan gaji bagi kos-kos keimigresenan meskipun dipersetujui akan ditanggung majikan.

PAKSAAN

Arahan yang melanggar perundangan perburuhan

Contoh:

- dipaksa bekerja melebihi tempoh masa kerja/kerja lebih masa yang dibenarkan.
- dipaksa bekerja dalam persekitaran kerja yang berbahaya seperti tidak diberi alat perlindungan keselamatan semasa bekerja.

... dan ...




SEKATAN PERGERAKAN

Menghalang pekerja keluar dari tempat kerja

Contoh:

- pekerja disekat dari keluar daripada tempat pekerjaan dengan meletakkan pengawal keselamatan, anjing pengawal, CCTV, satu jalan keluar dan lain-lain.



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

BURUH PAKSA



Hukuman !!!

denda sehingga RM100,000 penjara sehingga 2 tahun

atau

kedua-duanya

Risalah ini hanya sebagai panduan umum.
Sebarang pertanyaan lanjut, sila emel ke:

jtksm@mohr.gov.my

TERBITAN OKTOBER 2022



JTKSM

MAPO

Pengenalan

Sebarang pekerjaan atau perkhidmatan yang diperoleh daripada seseorang di bawah ancaman atas apa-apa bentuk hukuman dan dilakukan tanpa kerelaannya.

Konvensyen Buruh Paksa 1930
(No. 29) ILO

11 INDIKATOR BURUH PAKSA

International Labour Organization (ILO)

1 Penganiayaan Golongan Rentan

- terhadap kanak-kanak, orang muda, wanita, OKU, warga emas, pekerja asing serta golongan berpendidikan rendah dan dalam kemiskinan.



2 Penipuan

- kontrak perkhidmatan tidak dipatuhi, tiada salinan dan bahasa yang tidak difahami.
- janji tidak dipenuhi seperti memberi penginapan yang kondusif atau gaji yang lumayan.
- majikan sengaja tidak membaharu permit kerja.



3 Penghambaan Hutang

- dipaksa bekerja untuk melangsakan hutang yang diambil untuk memperoleh pekerjaan.

4 Keganasan Fizikal dan Seksual

- penderaan fizikal, mental dan seksual.

5

Ancaman dan Ugutan

- secara fizikal, mental dan seksual terhadap pekerja yang ingin membuat aduan atau berhenti kerja termasuk:
 - ancaman atau ugutan untuk penahanan gaji.
 - ancaman dan ugutan untuk menamatkan permit kerja dan menyerahkan pekerja kepada pihak berkuasa.

6

Isolasi

- tiada akses kepada komunikasi luar.
- komunikasi sentiasa dikawal oleh majikan/ejen.

7

Penahanan Dokumen Pengenalan Diri

- penyimpanan pasport dan dokumen peribadi pekerja oleh majikan/ejen.



8

Penahanan Gaji

- tidak dibayar gaji atau kerap dibayar gaji lewat.
- tidak mendapat bayaran atau faedah mengikut undang-undang perburuhan.
- potongan gaji yang tidak sah.

9

Kerja Lebih Masa Berlebihan

- dipaksa bekerja lebih masa melebihi had.
- tidak diberi cuti rehat atau mendapat rehat yang mencukupi.



10

Sekatan Pergerakan

- tidak dibenarkan bergerak bebas di tempat kerja atau tempat penginapan seperti diawasi melalui CCTV, pintu berkunci, berpagar atau pengawal keselamatan.



11

Tempat Kerja dan Tempat Tinggal Tidak Sesuai Didiami

- diminta melakukan kerja yang merbahaya tanpa peralatan perlindungan yang mencukupi.
- tempat tinggal yang sesak, kotor, sempit dan tiada kemudahan asas.



Peranan Anda

Pekerja

- Ketahui hak pekerja.
- Memahami terma dan syarat kontrak perkhidmatan.
- Laporkan segera ke JTKSM.

Majikan

- Pamerkan pernyataan dasar larangan buruh paksa.
- Anjurkan kesedaran program.
- Elakkan sebarang bentuk buruh paksa dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.